

UMP semarak sambutan merdeka

KUANTAN 27 Ogos - Bagi menyemarakkan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-51, Universiti Malaysia Pahang (UMP) turut melancarkan sambutan hari bersejarah itu di Dataran Mekanikal, Taman Teknologi Industri UMP di sini, baru-baru ini.

Berlangsung dalam suasana meriah, majlis pelancaran yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd. pada 19 Ogos lalu menyaksikan perarakan 20 kontinjen yang terdiri daripada 400 kakitangan dan pelajar universiti tersebut.

Dalam ucapan perasmian, Sabarudin berkata, majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat universiti pada tahun ini berbeza daripada tahun sebelumnya kerana perarakan oleh staf dan pelajar menggambarkan perpaduan di kalangan warga UMP.

"Sama seperti tema sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini *Perpaduan Teras Kejayaan*, elemen ini dapat kita lihat dengan jelas dalam sambutan ini.

"Tujuan konsep ini diketengahkan adalah untuk meningkatkan lagi penglibatan warga universiti dalam menjayakan sambutan bulan kemerdekaan di

samping mewujudkan suasana patriotik," katanya.

Hadir sama pada majlis itu Pendaftar UMP merangkap Pengerusi Sambutan Hari Kebangsaan peringkat universiti, Mustafa Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Inovasi, Profesor Dr. Rosli Yunus.

Majlis yang bermula pada pukul 8.30 pagi itu menyaksikan perarakan 20 kontinjen termasuk dari Jabatan Canselor, Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta dan Kor Sukarelawan Siswa dan Siswi Polis Diraja Malaysia (SUKSIS) UMP.

Kontinjen daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) muncul juara pada pertandingan perarakan itu diikuti Jabatan Bendahari di tempat kedua dan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian di tempat ketiga.

Ketiga-tiga kontinjen tersebut akan mewakili UMP ke majlis perarakan Hari Kemerdekaan Ke-51 peringkat negeri pada 31 Ogos ini.

Sepanjang Bulan Kemerdekaan, UMP turut merancang pelbagai aktiviti lain bagi memerahkan sambutan termasuk pemasangan 500 Jalur Gemilang di sekitar kawasan kampus, kolej kediaman dan fakulti.